

**NO. SOALAN: 52**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 04 APRIL 2018 (RABU)**

**RUJUKAN : 10643**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli Bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah semua anak-anak Orang Asli yang dilahirkan di Malaysia, diberi hak kerakyatan dan kad pengenalan untuk mereka meneruskan kehidupan dalam masyarakat, sebagaimana anak-anak pekerja asing yang dilahirkan di Malaysia mendapat hak kerakyatan dan kad pengenalan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia termasuk anak kepada pasangan Orang Asli perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, dokumen pendaftaran kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN akan direkodkan dengan status sama ada Warganegara atau Bukan Warganegara berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa sewaktu kelahiran berlaku. Bagi individu yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan secara sah mengikut perundangan negara ini, maka kewarganegaraan individu tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya selaras dengan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan isu Kad Pengenalan pula, adalah dimaklumkan bahawa semua individu bertaraf Warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 12 tahun hendaklah mengemukakan permohonan Kad Pengenalan di JPN selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.